

KRITIKAN PELAKSANAAN KEWANGAN ISLAM: REALITI DAN CABARAN

Zulkifli Hasan

Blog: <http://zulkiflihasan.wordpress.com>

Abstrak

Kritikan yang signifikan oleh ramai cendekiawan terhadap amalan semasa kewangan Islam telah menimbulkan persoalan mengenai perbezaannya dengan kewangan konvensional. Ada yang berpandangan bahawa amalan kewangan Islam sedia ada adalah tidak 'authentic' atau tidak asli dan mempunyai banyak persamaan dengan kewangan konvensional. Berbeza dengan aspirasi ideal kewangan Islam yang sepatutnya merangkumi aspek aqidah, Shari'ah dan akhlak, kewangan Islam juga dilihat sangat cenderung kepada aspek hukum iaitu hanya berkisarkan persoalan hukum Syarak. Perkara ini dizahirkan oleh beberapa sarjana yang telah mengkritik keras amalan kewangan Islam terutamanya dalam aspek 'Shari'ah arbitrage' dan 'pure legalism'. Berbeza dengan kritikan sebegini terdapat juga golongan sekular, dan anti-Islam yang mengkritik kewangan Islam kerana dilihat membawa aspirasi kebangkitan Islam. Malahan sudah ada 'think-tank' di peringkat antarabangsa yang membuat laporan di hadapan Kongress Amerika Syarikat membangkitkan bahaya kewangan Islam yang dikatakan mempunyai agenda mengislamkan sistem kewangan konvensional dan barat. Bagi membincangkan isu yang amat penting ini, artikel ini akan membincangkan dan menganalisa kritikan-kritikan mengenai pelaksanaan kewangan Islam dan seterusnya membicarakan isu ini secara akademik.

Isi Kandungan

PENGENALAN	1
KRITIKAN TERHADAP PELAKSANAAN KEWANGAN ISLAM.....	3
GOLONGAN YANG BERPANDANGAN KEWANGAN ISLAM TIDAK ISLAMIK	3
<i>Epistemologi</i>	<i>4</i>
<i>Model atau Kerangka Pelaksanaan.....</i>	<i>5</i>
<i>Produk.....</i>	<i>6</i>
<i>Metodologi.....</i>	<i>7</i>
<i>Tadbir Urus.....</i>	<i>8</i>
<i>Sosio-Ekonomi.....</i>	<i>9</i>
<i>Dokumen Undang-undang.....</i>	<i>9</i>
GOLONGAN YANG BERPANDANGAN KEWANGAN ISLAM SEBAGAI ISLAMIK	10
SUMBANGAN KEWANGAN ISLAM	12
PENUTUP	14
RUJUKAN	15

PENGENALAN

Pengalaman bersama komuniti Muslim di Dallas baru-baru ini memberikan beberapa pengajaran dan antaranya ialah persepsi masyarakat Islam terhadap sistem kewangan Islam. Peristiwa di Masjid Richardson, Dallas menyaksikan insiden ketika program '*Community Breakfast*' di mana penganjur cuba untuk memberi kefahaman kepada komuniti mengenai kewangan Islam. Ketika sesi soal jawab begitu ramai yang mempertikaikan kewangan Islam dan bukan itu sahaja dengan nada keras mengatakan kewangan Islam telah disepakati umum adalah sampah. Mereka mempertikaikan amalan kewangan Islam tetapi dalam masa yang sama melanggangi perbankan konvensional yang jelas melanggar hukum syarak. Ada juga Jemaah yang memberikan definisi baru tentang riba dengan mengatakan riba bukan merujuk '*interest*' tetapi mengambil wang dengan cara yang tidak adil atau zalim.

Begitu juga di Malaysia, Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) telah mengejutkan masyarakat Malaysia khususnya kepada industri kewangan Islam dengan laporan telah menerima lebih 4000 aduan sejak 2003 hingga 2012 mengenai ketidakpuashatian pelanggan dengan sistem perbankan Islam¹. Kenyataan PPIM yang sangat keras dengan menuduh bank-bank Islam menggunakan nama Islam untuk mencapai keuntungan melampau ini tidak boleh dipandang enteng dan remeh oleh pengamal kewangan Islam dan pihak berautoriti seperti Bank Negara Malaysia serta institusi berkaitan seperti Pertubuhan Perbankan Islam Malaysia dan Pertubuhan Penasihat *Shari'ah* Malaysia.

Berdasarkan kepada perkara di atas, penulis akan cuba secara ringkas untuk menelusuri dan menilai semula perkembangan dan amalan kewangan Islam setelah ianya dilaksanakan puluhan tahun yang lalu. Artikel ini akan meninjau dan mendedahkan kritikan-kritikan yang berterusan mengenai pelaksanaan kewangan Islam yang dikatakan semakin hari semakin jauh daripada aspirasi keadilan ekonomi dan sosial yang digariskan oleh teras dan fundamental ekonomi Islam. Pelaksanaan kewangan Islam juga dilihat sudah tidak memberikan perhatian yang sewajarnya pada aspek etika dan prinsip keadilan.

Dalam masa yang sama penulis juga ingin mengetengahkan kritikan oleh golongan anti-Islam, Islamofobia dan sekular yang mengkritik keras kewangan Islam kerana membawa aspirasi kebangkitan Islam. Keadaan ini pastinya menjadikan ramai dalam dilema kerana di sebelah pihak mengatakan kewangan Islam tidak Islamik manakala golongan yang lain pula menzahirkan bahawa kewangan Islam membawa aspirasi kebangkitan Islam dengan bermatlamatkan pengislaman sistem kewangan konvensional. Penulisan ini melontarkan beberapa persoalan fundamental yang perlu dinilai oleh setiap pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan industri kewangan Islam dan ianya sama sekali tidak bertujuan untuk menjatuhkan dan mencemarkan perkembangan kewangan Islam tetapi sekadar

¹ Kadir, S. 2012, 17 Februari. *PPIM Bidas Bank Jual Nama 'Perbankan Islam' Untuk Kaut Untung*, http://www.muslimconsumer.org.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=552:ppim-bidas-bank-jual-nama-perbankan-islam-untuk-kaut-untung&catid=65:aktiviti&Itemid=295

peringatan dan rasa keprihatinan terhadap peri pentingnya industri ini untuk menilai kembali arah tuju pelaksanaan dan amalannya.

KRITIKAN TERHADAP PELAKSANAAN KEWANGAN ISLAM

Semasa kunjungan Sheikh Yusuf al Qaradhawi ketika menerima Anugerah Tokoh Maal Hijrah pada 2009, beliau secara peribadi ada menyatakan kebimbangan dan keperihatinan terhadap pelaksanaan sistem kewangan Islam. Terdapat beberapa aspek yang perlu dinilai semula demi memastikan hala tuju kewangan Islam ini benar-benar dapat menyumbang kepada pembangunan sosio ekonomi masyarakat dan memberikan keadilan sosial. Persoalan yang ditimbulkan oleh Sheikh Yusuf al Qaradhawi ini adalah sangat signifikan dan bertepatan dengan waktunya. Setelah lebih 40 tahun pengalaman dan pengetahuan dalam melaksanakan kewangan Islam, ianya sudah sepatutnya dinilai semula secara intensif dan menyeluruh.

Sehubungan dengan perkara ini, penulis akan membincangkan secara ringkas tentang kritikan-kritikan yang telah diutarakan terhadap pelaksanaan dan amalan kewangan Islam. Kritikan terhadap kewangan Islam ini boleh dibahagikan kepada dua iaitu Golongan yang Berpandangan Kewangan Tidak Islamik dan Golongan yang Berpandangan Kewangan Islam adalah Islamik. Kritikan Golongan yang Berpandangan Kewangan Tidak Islamik ini diwakili oleh cendekiawan Muslim dan Kritikan Golongan yang Berpandangan Kewangan Islam adalah Islamik ini didominasi oleh golongan sekular dan anti-Islam. Kritikan-kritikan ini adalah sangat bermanfaat untuk diketengahkan kerana ianya boleh dijadikan sebagai kayu ukur dan asas kepada penambahbaikan serta penentu arah tuju industri kewangan Islam. Setelah meneliti dan membuat sorotan literatur dalam topik ini, kritikan terhadap kewangan Islam secara umumnya dapat dibahagikan kepada beberapa isu dan aspek iaitu epistemologi, 'model' atau pendekatan, produk, metodologi, 'governance' atau tadbir urus, pembangunan sosio-ekonomi dan dokumen undang-undang. Semua aspek ini adalah sangat relevan dan signifikan bagi menjamin pelaksanaan kewangan Islam ini benar-benar bertepatan dengan kehendak Islam.

Golongan yang Berpandangan Kewangan Islam Tidak Islamik

Secara umumnya, golongan yang berpandangan mengatakan bahawa kewangan Islam tidak Islamik ini boleh dikategorikan kepada dua iaitu Golongan yang Berfakta dan Berhujah dengan Penyelidikan dan Golongan Yang Berteori Konspirasi. Penulis hanya akan menyentuh kritikan kategori pertama kerana ia sesuai dengan disiplin ilmu dan lebih realistik. Manakala bagi kategori yang lebih ber'sifat' teori konspirasi hanya dengan membawa hujah 'superficial' dan 'simplistic' tidak akan disentuh. Sering kali kedengaran adalah kenyataan mengatakan kewangan Islam ini adalah sebahagian daripada agenda yahudi dan musuh Islam ingin mengaut keuntungan menerusi label Islam. Walaupun pandangan bersifat teori konspirasi ini selalunya

mendapat sambutan yang signifikan di dalam masyarakat sesuai dengan 'nature' pandangan ini yang mudah mempengaruhi, penulis tidak berhasrat untuk membicarakannya.

Bagi membicarakan kritikan yang mengatakan kewangan Islam adalah tidak Islamik, terdapat tujuh aspek utama dalam kewangan Islam yang sangat perlu diberikan perhatian. Kesemua aspek ini merupakan tunjang dan asas kepada pelaksanaan kewangan Islam. Isu-isu dan kritikan-kritikan yang dilontarkan dalam setiap aspek adalah berlandaskan kepada fakta dan data serta maklumat yang diperolehi melalui penyelidikan dan pemerhatian secara akademik. Ianya perlu diberikan perhatian sewajarnya oleh pengamal kewangan Islam demi memastikan kewangan Islam dapat dilaksanakan secara berkesan, menyeluruh dan menepati ruh *Maqasid Shari'ah*.

Epistemologi

Perkara yang kurang mendapat perhatian dalam 'discourse' atau pentas perbincangan mengenai kewangan Islam ialah aspek epistemologinya. Tatkala banyak literatur atau rujukan dan bahan ilmiah mengenai segenap aspek kewangan Islam, didapati amat sedikit perbincangan secara serius dari aspek epistemologi atau falsafahnya. Umumnya, pengamal kewangan Islam termasuk ahli akademik tidak ramai yang memberikan perhatian dan mempunyai kefahaman yang mendalam dalam aspek epistemologi ini. Implikasinya ialah didapati pelaksanaan kewangan Islam pada hari ini dilihat lebih cenderung ke arah mempunyai satu dimensi utiliti yang menjadi teras ekonomi kapitalis iaitu memaksimumkan utiliti individual 'homo economicus'².

Berbanding sistem kewangan konvensional yang berepistemologikan 'secular approach' (pendekatan sekular) dan 'humanistic approach' (pendekatan kemanusiaan), epistemologi *Tauhid* 'Faith-based epistemology' merupakan asas sistem kewangan Islam. Epistemologi *Tauhid* yang menjadi teras dan falsafah prinsip-prinsip muamalat Islam sepatutnya menjadi aspirasi pengamal kewangan Islam untuk meletakkan *maqasid Shari'ah* pertimbangan utama dalam setiap perancangan yang hendak dilaksanakan. Dalam hal ini, Masudul Alam Chowdhury menyatakan bahawa kewangan Islam hanya akan beroperasi secara efisien di dalam ruang lingkup epistemologi *Tauhid* yang menuntut semua pengamal kewangan Islam bertindak sebagai khalifah yang mempunyai 'taklif' atau tanggungjawab kepada semua manusia di muka bumi ini. Epistemologi *Tauhid* ini adalah sangat unik dan menyeluruh di mana ianya menekankan dua dimensi utiliti iaitu kepentingan untuk mendapatkan kejayaan di dunia dan akhirat³.

² Asutay, M. 2007. Conceptualisation of the Second Best Solution in Overcoming the Social Failure of Islamic Finance: Examining the Overpowering of HomoIslamicus by HomoEconomicus. *IIUM Journal of Economics and Management*, 15 (2), 167-195.

³ Choudury, M. A. dan Hoque, M. Z. 2004. *An Advanced Exposition of Islamic Economics and Finance*. New York: Edward Mellen Press and Choudhury, M.A. dan Malik, U.A. 1992. *The Foundations of Islamic Political Economy*. New York: St. Martin's Press.

Model atau Kerangka Pelaksanaan

Kritikan terhadap kewangan Islam dari sudut 'theoretical approach' atau pendekatan teoritikal merujuk kepada model pelaksanaan dan amalannya. Pada hakikatnya, cendekiawan ekonomi Islam seperti Chapra⁴ dan Siddiqi⁵ yang dianggap sebagai 'founding father' kepada kewangan Islam mengusulkan pendekatan kewangan Islam dalam kerangka 'ekuiti' atau perkongsian iaitu 'two-tier mudharabah'. Model 'two-tier mudharabah' ini kemudiannya disokong oleh Khan dan Mirakhor yang cuba membuktikannya secara simulasi⁶. Mufti Taqi Usmani juga bersependapat dalam hal ini dan telah menyatakan pandangan beliau bahawa pendekatan dalam kerangka 'ekuiti' ini mempunyai ciri-ciri yang bertepatan dengan ruh keadilan Islam dan sepatutnya dijadikan sebagai kerangka pelaksanaan kewangan Islam⁷.

Namun demikian, amalan kewangan Islam yang terdapat pada hari ini adalah sebaliknya. Apa yang berlaku ialah amalan kewangan Islam dikatakan telah jauh meninggalkan aspirasi ini di mana kerangka 'debt-based' atau sistem berasaskan hutang menjadi dominan di pasaran dan didapati hingga kini aspek 'ekuiti' yang diaspirasikan oleh pencetus idea ekonomi Islam dalam konteks dunia moden masakini telah diabaikan. Situasi ini disokong oleh Dar dan Presley⁸ yang membuktikan dalam penyelidikannya bahawa produk berasaskan hutang merupakan instrumen yang mendominasi pasaran kewangan Islam. Menyentuh soal ini, Kuran telah mengkritik keras pelaksanaan kewangan Islam dengan mengatakan ianya bersifat manipulatif⁹.

Di antara aspek yang agak diabaikan atau kurang diambil perhatian dalam pelaksanaan kewangan Islam ialah dari sudut polisi 'monetary'. Pelaksanaan kewangan Islam pada hari ini masih beroperasi dalam ruang lingkup 'monetary' yang berlandaskan sistem konvensional. Ini bermakna struktur dan ciri-ciri produk kewangan Islam yang ada pada hari ini masih lagi bergantung kepada polisi dan sistem 'monetary' sedia ada kerana tiadanya polisi 'monetary' yang berlandaskan *Shari'ah*. Ini menjadikan sistem kewangan Islam sedia ada ini tidak lengkap kerana tiadanya polisi 'monetary' khusus yang patuh *Shari'ah* secara total. Masalah ini dipersetujui oleh ramai sarjana seperti Arif dalam bukunya *Monetary and Fiscal*

⁴ Chapra, M. U. 1985. *Towards A Just Monetary System*. Leicester: The Islamic Foundation.

⁵ Siddiqi, M. N. 1985. *Partnership and Profit Sharing in Islamic Law*. Leicester: The Islamic Foundation.

⁶ Khan, M. dan Mirakhor, A. 1989. The Financial System and Monetary Policy in an Islamic Economy, *JKAU: Islamic Economics*, 1 (1),: 39-57.

⁷ Usmani, M. T. 2007) *An Introduction to Islamic Finance*. Karachi, Pakistan: Maktaba Maa'riful Qur'an.

⁸ Dar, H. A. dan John, R. P. 2000. Lack of profit loss sharing in Islamic banking: Management and control imbalances. *International Journal of Islamic Financial Services*, 2 (2): 3-18.

⁹ Kuran, T. 2004. *Islam and Mammon, the Economic Predicaments of Islamism*. New Jersey: Princeton University Press.

*Economics of Islam*¹⁰. Dalam aspek ini, Ahamed Kameel telah mengkritik sistem 'monetary' sedia ada dan mempromosi pengenalan semula sistem 'monetary' yang berasaskan dinar atau emas¹¹. Walaupun, ada sesetengah sarjana yang menolak idea ini seperti Murat Cizakca¹², namun persoalan sistem 'monetary' yang berlandaskan *Shari'ah* itu merupakan satu isu yang sangat perlu dan penting untuk diberikan perhatian secara serius.

Produk

Perkembangan kewangan Islam yang pesat sekitar 15-20 peratus setahun menyaksikan pelbagai inovasi produk perbankan yang kini terdapat di pasaran¹³. Dalam masa yang sama, kritikan terhadap produk dan perkhidmatan kewangan Islam jugalah yang paling banyak menerima kritikan daripada pelbagai pihak dari segenap sudut. Di antara kritikan yang popular dan semakin menampakkan kebenarannya ialah produk dan perkhidmatan kewangan Islam ini semakin hari semakin menyamai ciri-ciri dan aplikasi apa yang ditawarkan oleh perbankan konvensional. Dar berpandangan bahawa kewangan Islam pada hari ini sudah mula hilang ruhnya dan mengalami krisis identiti berikutan pendekatannya yang terlalu cenderung bersifat 'capitalistic'¹⁴.

Produk yang paling mudah untuk dijadikan contoh ialah produk pembiayaan perumahan. Sejak pengenalan kewangan Islam hingga sekarang, pembiayaan perumahan yang berprinsipkan '*Bay al Inah*' yang dianggap kontroversi dan tidak diterima oleh ramai *fuqaha* tradisional dan kontemporari masih lagi menjadi ditawarkan di pasaran¹⁵. Bahkan jika sebelum ini, kadar keuntungannya adalah tetap dan terdapat sedikit perbezaan dengan pinjaman konvensional, tetapi kini terdapat kadar apungan atau 'floating rate' yang sememangnya hampir menyamai pinjaman yang ditawarkan oleh perbankan konvensional. Menyentuh isu ini, hakim di dalam kes *Arab Malaysian Finance Bhd v Taman Ihsan Jaya Sdn Bhd & Ors (Koperasi Seri Kota Bukit Cheraka Bhd, third party)* [2008] 5 MLJ 631 telah menegur institusi kewangan Islam dengan menyatakan: 'in developing a *Fiqh* muamalat caution must therefore be exercised for it is all too easy, when creating and then relying on legal fiction, to fall into the pit of complacency and inadvertently developing a *Fiqh hiyal*. Ingatan oleh Yang Arif Hakim ini perlulah diberikan perhatian sewajarnya oleh institusi kewangan Islam.

¹⁰ Arif, Mohammad. 1982. *Monetary and Fiscal Economics of Islam*. Jeddah: International Centre for Research on Islamic Economics, King Abdulaziz University

¹¹ Ahamed Kameel, M. M. 2004. *The Theft of Nations: Returning to Gold*. Selangor: Pelanduk Publications Sdn. Bhd. dan Ahamed Kameel, M. M. 2002. *Islamic Gold Dinar*. Selangor: Pelanduk Publications Sdn. Bhd.

¹² Cizakca, M. 2011. The Islamic Gold Dinar- Myths and Reality, *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 3 (1), 49-63.

¹³ The Banker. 2009, November. GCC Still Dominate. *The Banker*, Supplement, 26.

¹⁴ Dar, H. 2012, June, 4. Identity Crisis: Islamic Banking - In Search of a Lost Soul. *The Express Tribune*.

¹⁵ Sanusi, M. dan Rosly, S. A. 2001, Some Issue of Bay al-Inah in Islamic Financial Markets, *The Arab Law Quarterly*, 16 (3): 263-278.

Situasi yang sama berlaku pada produk berasaskan 'Tawarruq'. Pada asasnya 'Tawarruq' merupakan alternatif kepada produk berasaskan 'Bay al Inah' terutamanya bagi tujuan kecairan atau 'liquidity'. Walaubagaimanapun, apa yang berlaku ialah 'Tawarruq' kini digunakan untuk tujuan lain dan bukan sahaja untuk tujuan kecairan. 'Tawarruq' kini digunakan untuk penjanaaan keuntungan melalui pembiayaan termasuk juga bagi produk deposit berstruktur. Produk deposit berasaskan 'Tawarruq' ini bukan sahaja boleh dianggap sebagai 'hiyal' atau helah untuk menghalalkan sesuatu tetapi ianya juga menjadi titik tolak 'convergence' atau penyatuan dengan ciri-ciri produk konvensional¹⁶.

Begitu juga dengan produk pasaran modal Islam seperti 'sukuk'. Sukuk yang berasaskan prinsip 'Musyarakah' iaitu berdasarkan risiko perkongsian untung rugi pada umumnya bertepatan dengan konsep muamalat Islam. Bagi tujuan 'credit rating' dan menjamin kebolehpasaran, sukuk Musyarakah akhirnya distrukturkan dengan 'wa'd mulzim' atau 'purchase undertaking' yang akhirnya menjadikan produk ini mempunyai ciri yang hampir sama dengan bon konvensional malahan amat sukar untuk dibezakan¹⁷. Situasi yang sama akan berlaku sekiranya produk Derivatif Islam juga dibenarkan secara berleluasa tanpa ada garis panduan yang sewajarnya. Jika produk sebegini menjadi dominan di pasaran tanpa ada kawalan, pasti ianya akan memadam dan menghilangkan perbezaan di antara sistem kewangan Islam dan konvensional malahan mendedahkan industri kewangan Islam dengan pelbagai risiko yang boleh mengganggu kestabilan industri ini.

Metodologi

Pelaksanaan kewangan Islam juga mengalami permasalahan dari aspek metodologi. Metodologi yang digunakan untuk menyelesaikan isu kewangan Islam termasuk meluluskan produk dan perkhidmatan adalah bersifat tidak menyeluruh dan ada yang mengatakan ianya tidak sesuai. Al Attas umpamanya mengatakan bahawa kewangan Islam menggunakan metodologi yang tidak autentik iaitu pendekatan dalam kerangka 'keynesian economic dan classical economic'¹⁸.

Dalam hal yang sama, Abu Sulayman dalam bukunya *Towards an Islamic Theory of International Relations: New Directions for Methodology and Thought* ada juga membangkitkan isu metodologi terutamanya dalam aspek pengeluaran hukum atau *Shari'ah*¹⁹. Menyentuh mengenai metodologi yang digunakan dalam pelaksanaan kewangan Islam, Aslam Haneef yang secara kritikal mengkaji projek 'Islamisation of

¹⁶ Siddiqi, M.N. 2007. *Economics of Tawarruq: How its Mafasid Overwhelms The Masalih*, Kertas Kerja 'Workshop on Tawarruq: A Methodological issue in Shari'ah-Compliant Finance', 1 Februari 2007.

¹⁷ Kettel, B. (2008). Despite Falling Sukuk Issuances, Islamic Finance Products are Still in Demand. *Islamic Banking and Finance*, 6 (4) 19, 38.

¹⁸ Al Attas, S. F. 1995. The Sacralization of the Social Sciences: A Critique of an Emerging Theme in Academic Discourse, *Archives de sciences sociales des religions*, 40 (91): 89-111.

¹⁹ Abu Sulayman, A. H. 1993. *Towards an Islamic Theory of International Relations: New Directions for Methodology and Thought*. Virginia: The International Institute of Islamic Thought.

Knowledge' telah mengkritik metodologi yang digunakan iaitu ianya dilihat terlalu menekankan pendekatan sains 'Fiqh' atau 'Usul Fiqh' menerusi resolusi penasihat *Shari'ah* untuk menyelesaikan permasalahan *Shari'ah* dan isu lain seperti implikasi ekonomi dan kewangan²⁰. Ini disahkan oleh Balz yang menyatakan bahawa kewangan Islam bukan hanya merangkumi hukum atau sains *Fiqh* tetapi ianya juga melibatkan aspek risiko²¹.

Berdasarkan kepada penilaian dan kritikan terhadap metodologi ini, sepatutnya metodologi perlaksanaan kewangan Islam ini dinilai semula dengan mengambil kira metodologi atau kaedah yang lain secara intensif yang boleh digunakan. Oleh kerana keputusan yang dibuat oleh pengamal kewangan Islam bukan sahaja melibatkan hukum bahkan implikasi ekonomi, sosial dan lain-lain, sepatutnya metodologi yang digunakan juga adalah bersifat menyeluruh. Di antara kesan metodologi yang bersifat eksklusif digunakan oleh kewangan Islam pada hari ini ialah kebanyakan produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang ditawarkan adalah hanya bersifat halal dan patuh *Shari'ah* tetapi tidak memberikan kesan yang signifikan kepada sosio-ekonomi masyarakat.

Tadbir Urus

Kritikan terhadap aspek 'governan' atau tadbirurus juga perlu diberikan perhatian. Tadbir urus institusi kewangan Islam didapati mengutamakan 'shareholder's value' atau nilai pemegang saham. Orientasi 'Shareholder's value' ini menjadikan institusi kewangan Islam ini cenderung kepada misi dan visi untuk memaksimumkan keuntungan pemegang saham²². Kahf ada menyatakan bahawa ruang lingkup tadbir urus yang diamalkan sesetengah institusi kewangan Islam pada waktu ini hanya melahirkan pakatan baru antara golongan pemodal dan agamawan (The Rise of New Power Alliance of Wealth and *Shari'ah* Scholarship)²³. Menyentuh aspek ini, Iqbal dan Mirakhor mengesyorkan institusi kewangan Islam untuk menjadikan pendekatan 'stakeholder's value' sebagai model tadbir urus²⁴. Model 'stakeholder's value' ini amat bertepatan dengan ruh ajaran Islam yang sentiasa mengutamakan keadilan kepada semua.

Model 'stakeholder's value' ini mengambil kira kepentingan dan kebajikan semua pihak yang terlibat dalam sesebuah institusi sama ada secara langsung atau tidak langsung termasuk pemegang saham, lembaga pengarah, pengurusan, pekerja,

²⁰ Haneef, M. A. 2009. *A Critical Survey of Islamization of Knowledge*. Kuala Lumpur: IIUM Press.

²¹ Balz, K. 2008. *Sharia Risk? How Islamic Finance Has Transformed Islamic Contract Law*. Islamic Legal Studies Program Harvard Law School.

²² Hasan, Z. 2012. *Shari'ah Governance in Islamic Banks*. Edinburgh: Edinburgh University Press.

²³ Kahf, M. 2004. "Islamic Banks: The Rise of a New Power Alliance of Wealth and *Shari'ah* Scholars", in Clement M. Henry and Rodney Wilson, (Eds.), *The Politics of Islamic Finance* (pp. 17-36), Edinburgh: Edinburgh University Press Ltd.

²⁴ Iqbal, Z, dan Mirakhor, A. 2004. Stakeholders Model of Governance in Islamic Economic System, *Islamic Economic Studies*, 11 (2): 43-64.

pelanggan, pihak berautoriti, masyarakat umum dan alam persekitaran. Walaupun, asas tadbirurus bermodelkan 'stakeholder's value' ini dilihat amat bersesuaian dengan aspirasi kewangan Islam, masih terdapat banyak institusi kewangan Islam yang berpegang kepada pendekatan 'shareholder's value'. Berdasarkan faktor ini, tidak hairanlah ada institusi kewangan Islam masih berakhlak seperti mana institusi kewangan konvensional yang sama-sama beroperasi dalam kerangka ekonomi kapitalis.

Sosio-Ekonomi

Dengan pelbagai krisis ekonomi dan kewangan yang melanda dunia, kewangan Islam dilihat mampu untuk menawarkan sistem alternatif yang adil kepada semua. Dalam aspek ini, kewangan Islam diharapkan akan dapat membantu meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat terutama kepada golongan yang sangat memerlukan. Namun demikian, sekiranya ditinjau kepada amalan kewangan Islam ada pada hari ini, pelaksanaannya tidak memberikan kesan yang signifikan kepada pembangunan sosio-ekonomi masyarakat. Malahan ianya sering dilihat cenderung kepada memenuhi kehendak golongan pemodal.

Ahmed, (2004) mengesahkan bahawa institusi kewangan Islam tidak berminat atau sangat kurang memberikan perhatian kepada aspek sosio-ekonomi terutamanya dari sudut pembiayaan mikro²⁵. Sehingga ada yang menggelar kewangan Islam ini sebagai industri untuk golongan elit. Asutay misalnya telah mengkritik kewangan Islam yang dilihat gagal untuk memberikan sumbangan dan impak yang positif kepada keadaan sosio-ekonomi masyarakat dan pembangunan²⁶. Beliau mengatakan bahawa industri kewangan Islam hanya berperanan sebagai aktor dan berkhidmat secara berlebihan untuk pasaran dan tidak memberikan sumbangan sewajarnya untuk pembangunan sosio-ekonomi masyarakat. Bahkan ada juga menyuarakan pandangan bahawa sehingga kini, kewangan Islam dilihat lebih bersifat 'elitist' dengan memberikan keutamaan kepada projek-projek komersil berbanding pembiayaan dalam sektor kecil dan sederhana dan 'micro finance atau kewangan mikro. Berdasarkan fakta dan informasi yang dikumpulkan, beliau mendapati kewangan Islam tidak sensitif dan sangat kurang memberikan penekanan kepada pembangunan sosio-ekonomi masyarakat bahkan kadang kala terlalu memfokuskan kepada projek komersil yang menguntungkan segelintir individu.

Dokumen Undang-undang

Dokumen undang-undang adalah sangat penting dalam setiap transaksi. Ianya menentukan terma dan syarat yang mesti dipatuhi oleh setiap pihak yang terlibat

²⁵ Ahmed, Habib. 2004. *Frontiers of Islamic Banking: A Synthesis of Social Role and Microfinance*, *The European Journal of Management and Public Policy*, 3(1): 120-140.

²⁶ Asutay, M. 2008, October 1. *Islamic Banking and Finance: Social Failure*. *New Horizon*.

dalam kontrak. Dalam konteks dokumen undang-undang melibatkan produk kewangan Islam, dokumen itu mestilah memenuhi peruntukan undang-undang bertulis dan juga menepati prinsip *Shari'ah*. Bukan itu sahaja, dokumen ini mestilah mengandungi terma, syarat, tanggungjawab, akujanji serta 'liability' yang adil di antara pihak bank dan pelanggan. Dalam erti kata yang lain, peguam yang menderaf dan menggubal sesuatu dokumen itu perlulah memiliki pengetahuan dan kemahiran sekurang-kurangnya dua aspek iaitu undang-undang dan *Shari'ah* dan dalam masa yang sama beretika dan mengutamakan kesaksamaan dan keadilan.

Apa yang sering berlaku di dalam industri kewangan Islam pada waktu ini ialah, hanya terdapat segelintir peguam yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan sedemikian. Akibatnya ialah banyak dokumen undang-undang yang disediakan tidak menepati *Shari'ah* bahkan ada yang menyalahi prinsip-prinsip muamalat sesuatu produk. Bukan itu sahaja, dokumen undang-undang ini adalah sangat mirip dengan terma dan syarat serta peruntukan yang sama dengan dokumen pinjaman konvensional. Misalnya, Md Dahlan, dan Syed Abdul Kadir yang telah membuat analisis terhadap perjanjian jual beli bagi transaksi melibatkan pembiayaan produk Islam mendapati bahawa terdapat beberapa peruntukan perjanjian tersebut yang tidak menepati kehendak *Shari'ah* terutamanya yang melibatkan rumah yang belum siap dan projek terbengkalai²⁷. Didapati bahawa perjanjian ini mengandungi unsur 'gharar' dan juga ketidakadilan di mana ianya gagal untuk memberikan perlindungan yang sewajarnya kepada pelanggan.

Berdasarkan dapatan seperti ini, sesuatu perlu dilaksanakan segera bagi memastikan setiap produk, perkhidmatan dan transaksi melibatkan pembiayaan instrumen kewangan Islam ini bukan sahaja memenuhi peruntukan undang-undang dan menepati prinsip *Shari'ah*, malahan ianya juga perlu selari dengan etika Islam dan memberikan keadilan kepada semua pihak yang terlibat. Amalan menjadikan sampel perjanjian-perjanjian yang digunakan oleh sistem konvensional bagi maksud dokumen pembiayaan Islam tanpa membuat perubahan selaras dengan prinsip *Shari'ah*, mengekalkan ciri-ciri konvensional, hanya menukar terminologi dan tidak menjunjung etika Islam hanya akan menjadikan kewangan Islam ini berakhlak seperti institusi kewangan konvensional yang lain.

Golongan yang Berpandangan Kewangan Islam Sebagai Islamik

Secara umumnya, pandangan sebegini adalah yang sering tidak diberikan perhatian oleh golongan yang mengkritik kewangan Islam sebagai tidak Islamik. Di kala pendokong kewangan Islam berusaha untuk menjadikan kewangan Islam itu lebih

²⁷ Md Dahlan, N. H. 2009. Are The Statutory Standard Sale And Purchase Of House Contracts In Peninsular Malaysia Compatible With Islamic Law?, *Malayan Law Journal*, 5, 1-26 dan Md Dahlan, N. H. dan Syed Abdul Kader, S. Z. 2009. Shariah and Legal Issues in House Buying in Malaysia: The Legality of *Bay' Bithaman-Al-Ajil* ('BBA') with Special Reference to Abandoned Housing Projects, *Pertanika J. Journal of Social Science and Humanities*, 19 (2): 349 - 361

Islamik, terdapat juga golongan yang umumnya secular, anti-Islam dan Islamofobia yang kini bergiat aktif untuk menggagalkan pelaksanaan kewangan Islam. Golongan ini melihat kewangan Islam itu mempunyai aspirasi untuk mengIslamkan barat dan membawa mesej kebangkitan Islam.

The Center for Security Policy, salah sebuah organisasi '*think tank*' berpengaruh di Amerika Syarikat mengeluarkan laporan komprehensif mengenai bahaya kewangan Islam kepada dunia. Dalam laporan bertajuk '*Sharia: The Threat to America*' yang dibentangkan dihadapan kongress Amerika Syarikat dan mendapat restu beberapa wakil congress menyebut agenda kewangan Islam yang boleh mengancam keselamatan dan keharmonian di mana ia membawa mesej kebangkitan Islam (CSP, 2011). Laporan ini menyebut kewangan Islam yang berpotensi mendanai gerakan Islam dan penganas secara sistematik.

Bekas Speaker '*the House of Representatives*' Newt Gingrich Amerika Syarikat juga kini bergiat aktif mempromosi dan melobi untuk meluluskan undang-undang persekutuan yang menghalang sebarang pelaksanaan kewangan Islam dilaksanakan. Bahkan kini di Amerika sudah terdapat lebih 30 negeri yang telah memperkenalkan Rang Undang-undang menyekat mahkamah untuk merujuk undang-undang Shari'ah dalam mana-mana penghukuman termasuk berkaitan dengan undang-undang kewangan Islam.

Di dalam kes *Muneer Awad v. Paul Ziriox, Oklahoma State Board of Elections and Others* (Case No 10-6273), yang melibatkan rayuan Perayu mewakili komuniti Islam di Oklahoma, menyaksikan bagaimana sudah ada usaha sistematik menghalang pelaksanaan kewangan Islam dan undang-undang Shari'ah di Amerika Syarikat. Bukan itu sahaja, di dalam kes *Kevin J. Murray v Henry M. Paulson Jr.* No. 2:08-cv-15147 di Michigan pula melibatkan petisyen yang dibawa oleh the Thomas More Law Center (TMLC), yang mencabar sebarang langkah atau inisiatif untuk melaksanakan kewangan Islam di Amerika Syarikat. Di India pula, terdapat kes yang hampir sama di Amerika Syarikat iaitu kes *Dr. Surbahmaniam Swamy v State of Kerala* WP (C) No. 35180 of 2009 (S), petisyen oleh penganut Hindu yang membantah dan mencabar pelaksanaan kewangan Islam di India.

Kesemua fakta di atas jelas menunjukkan bahawa sudah ada gerakan sistematik dan tersusun oleh institusi berpengaruh dunia cuba untuk menggagalkan pelaksanaan kewangan Islam. Malahan institusi ini didanai oleh agensi tertentu yang menimbulkan beberapa persoalan signifikan kepada semua. Di kala ada golongan yang menganggap kewangan Islam tidak membawa apa-apa erti dan makna kepada umat Islam, terdapat pula pihak yang berpengaruh dan tersusun gerakannya melihat bahawa kewangan Islam membawa aspirasi kebangkitan Islam dan cuba untuk mengIslamkan barat. Golongan yang berpandangan bahawa kewangan Islam ini sebagai ancaman dan bahaya kepada dunia ini sudah pastinya telah membuat penyelidikan yang mendalam dengan menggunakan dana dan sumber manusia yang signifikan.

SUMBANGAN KEWANGAN ISLAM

Adalah tidak adil sekiranya mengatakan bahawa kewangan Islam tidak memberikan sumbangan apa-apa kepada umat Islam dan masyarakat secara umumnya. Sememangnya benar untuk menyatakan bahawa kewangan Islam itu tidak sempurna dan mempunyai pelbagai kelemahan dan memerlukan anjakan untuk berhijrah kepada yang lebih baik. Ini bersesuaian dengan umur dan keadaan kewangan Islam itu sendiri yang boleh dikatakan masih dalam proses kematangan disertakan dengan pelbagai cabaran pelaksanaan. Cabaran dan realiti kewangan Islam ini pula adalah unik dan berbeza untuk setiap Negara bersesuaian dengan ruang lingkup undang-undang, sosio ekonomi dan budaya masyarakat. Namun, untuk menafikan sumbangan kewangan Islam adalah sesuatu yang tidak adil malahan tidak jujur dan tidak merujuk fakta yang sebenar.

Bagi penulis, sumbangan terbesar kewangan Islam adalah dari aspek pembangunan disiplin ilmu itu sendiri. Sekiranya satu ketika dulu, warisan dan turath ilmu tinggalan sarjana Islam khususnya berkaitan dengan fiqh al muamalat tidak diendahkan dan sering berlegar di dalam kutub khanah, kini ia tidak lagi begitu. Kini sudah terdapat perbincangan mendalam dan 'intellectual discourse' yang signifikan berlaku di seluruh dunia merujuk dan menggali semula khazanah ilmu legasi sarjana Muslim. Karya-karya agung sarjana Islam tradisional dan kontemporari dirujuk dan diberikan interpretasi segar menerusi penyelidikan dan program ilmu secara berterusan. Melalui penyelidikan dan aktiviti keilmuan inilah disiplin ilmu ini dibangunkan dan kegiatan ijtihad berlaku dengan subur dan konstruktif. Ijtihad-ijtihad yang cuba mensintesis keperluan moden dunia hari ini dan nas-nas syarak serta pandangan fuqaha ini akan memberi sumbangan terhadap pembangunan ilmu itu sendiri.

Sumbangan dalam bentuk pembangunan disiplin ilmu itu juga menyumbang kepada pembangunan intelektual khususnya bagi umat Islam. Jika dulu, sangat sukar untuk mencari pakar kewangan orang Islam, kini kita sudah boleh berbangga dengan nama-nama besar individu Muslim yang menjadi rujukan dunia dalam kewangan. Kewangan Islam juga telah melahirkan generasi muda intelektual yang menguasai dimensi disiplin ilmu pelbagai berkaitan kewangan Islam yang pastinya memberikan harapan baru kepada pembangunan intelektual umat Islam secara umumnya. Pembangunan intelektual ini terus cerah melalui dana yang dijana melalui kewangan Islam. Dana yang disumbang menerusi kewangan Islam inilah yang akan membina pembangunan intelektual dengan membentuk budaya ilmu, budaya penyelidikan dan budaya intelektual itu sendiri.

Pembangunan intelektual ini seterusnya menyumbang kepada pembangunan sumber manusia sebagai modal insan yang bermanfaat kepada masyarakat. Lihat saja laporan yang dikeluarkan oleh pelbagai institusi professional di seluruh dunia mengenai keperluan sumber manusia dalam kewangan Islam. Ratusan ribu tenaga

mahir dan professional diperlukan untuk memenuhi keperluan kewangan Islam. Ini pastinya sesuatu sumbangan yang besar dan signifikan kepada pembangunan secara umumnya. Misalnya, jika dulu graduan Timur Tengah majoritinya hanya bergelar ustaz dan mengajar di masjid dan surau, kini ustaz-ustaz ini sudah berada di institusi kewangan Islam tempatan dan antarabangsa menyumbang kepada pembangunan institusi dan masyarakat.

Kewangan Islam juga memberikan sumbangan dari aspek pembangunan institusi. Dunia menyaksikan berapa banyak university dan organisasi antarabangsa yang ditubuhkan bagi memenuhi keperluan kewangan Islam. Hatta institusi antarabangsa seperti Bank Dunia, International Monetary Fund, Basel Committee Banking Supervision dan yang lain juga kini terlibat sama dengan kewangan Islam. Sebelum terlaksananya kewangan Islam, dunia Islam hanya bergantung kepada kepakaran institusi di Negara barat khususnya dalam bidang kewangan, tetapi pada hari ini kita dapat melihat tertubuhnya *Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions, International Financial Services Board, Islamic Development Bank, General Council for Islamic Banks and Financial Institutions, International Association of Islamic banks, Islamic Banking and Finance Institute of Malaysia, Institute of Islamic Banking And Insurance, International Islamic Financial Market, International Islamic Rating Agency, International Islamic Centre for Reconciliation and Commercial Arbitration, International Shari'ah Research Academy* dan banyak lagi. Institusi-institusi ini pastinya memberikan sumbangan dalam pelbagai aspek dalam membangunkan modal insan dan disiplin ilmu itu sendiri.

Walaupun ada yang mempertikaikan sumbangan kewangan Islam dari sudut pembangunan ekonomi, namun, kita sama sekali tidak boleh menafikannya dengan berpandukan kepada fakta dan realiti. Bagi menyentuh aspek ini, penulis tidak berhasrat untuk merujuk mana-mana statistik tetapi cukup sekadar dengan pemerhatian secara makro. Sebelum ini, pelaburan Negara-negara Islam berlaku di dunia barat. Dunia arab khususnya Negara Teluk memfokuskan pelaburan bernilai billion dollar di New York, London dan Paris. Dengan perkembangan kewangan Islam, kita dapat melihat bagaimana pelaburan ini telah bertukar arah kembali kepada Negara-negara Islam sendiri walaupun diakui masih tidak sepenuhnya. Seheinggakan pada hari ini, Negara barat sudah mula merasakan perubahan drastic ini dengan menurunnya secara mendadak pelaburan Negara Islam di destinasi yang biasanya berlaku sebelum ini. Ini dapat disaksikan menerusi betapa aktifnya Negara-negara barat cuba untuk menarik kembali pelabur dunia Islam ke Negara mereka dengan pelbagai insentif. United Kingdom, Perancis, Itali, Amerika Syarikat, Ireland, Australia dan banyak lagi Negara-negara barat kini cuba untuk mendapatkan dana dari pelabur dunia Islam.

Sememangnya diakui bahawa terdapat kelemahan dan kekurangan pembangunan dan juga kewangan Islam yang disifatkan tidak seimbang dan tidak memfokuskan kepada golongan akar umbi seperti '*microfinance*'. Sekurang-kurangnya pada hari ini, pelaburan dan pembangunan itu berlaku di dunia Islam seperti Dubai, Arab

Saudi, di Qatar, Kuwait dan lain-lain Negara Islam dan ia dibantu menerusi instrumen kewangan Islam. Bukan itu sahaja, dunia Islam menyaksikan bahawa bagaimana sudah mula perkembangan menggunakan khidmat kepakaran umat Islam dalam sektor kewangan. Malaysia umpamanya antara Negara yang mengeksport modal insan yang mahir dalam kewangan Islam ke Negara Teluk yang sebelum ini didominasi oleh sumber manusia daripada barat. Dalam masa yang sama jika diteliti, kewangan Islam juga telah menyumbang kepada berkembangnya pembangunan sektor halal. Sektor halal yang bernilai billion dollar ini pastinya memerlukan instrument kewangan untuk terus berkembang dan kewangan Islam antara berpotensi untuk mengisi keperluan tersebut.

Begitu juga dengan aspek pembangunan sosial. Walaupun aspek ini merupakan antara perkara yang sering dikritik, kewangan Islam juga menunjukkan perkembangan positif dalam menyumbang kepada pembangunan sosial. Di samping menyalurkan zakat kepada pusat dan institusi zakat, institusi kewangan Islam dengan inisiatif sendiri melaksanakan pelbagai program membantu yang memerlukan dalam pelbagai aspek termasuk pendidikan, kesihatan, keselamatan, ekonomi dan sebagainya. Bukan itu sahaja, institusi kewangan Islam bekerjasama dengan pelbagai pihak mengenalpasti dan terlibat secara langsung dengan pembangunan masyarakat setempat. Selain daripada zakat yang dikeluarkan mencecah billion dollar, kewangan Islam juga terlibat dalam aktiviti tanggungjawab sosial korporat. Kajian yang dijalankan oleh Farook, (2009) umpamanya mengesahkan fakta ini di mana institusi kewangan Islam telah terlibat secara signifikan dan langsung dalam pelbagai aktiviti sosial kemasyarakatan termasuk program pembangunan sosial dan alam sekitar.

PENUTUP

Berdasarkan analisis ringkas di atas, dapatlah disimpulkan bahawa pelaksanaan kewangan Islam telah mendapat pelbagai kritikan daripada pelbagai pihak. Kritikan terhadap kewangan Islam ini boleh dibahagikan kepada dua iaitu Golongan yang Berpandangan Kewangan Tidak Islamik dan Golongan yang Berpandangan Kewangan Islam adalah Islamik. Secara umumnya, golongan yang berpandangan mengatakan bahawa kewangan Islam tidak Islamik ini boleh dikategorikan kepada dua iaitu Golongan yang berhujah dengan Penyelidikan dan Fakta dan juga Golongan Yang Berteori Konspirasi. Penulis walaubagaimanapun hanya menyentuh kritikan kategori pertama. Manakala Golongan yang mengkritik kewangan Islam dan menganggap ianya membawa aspirasi kebangkitan Islam dan merupakan usaha mengIslamkan barat pula digerakkan oleh golongan sekular dan anti-Islam.

Kritikan-kritikan mengenai kewangan Islam ini adalah bersifat menyeluruh dan ini termasuk aspek espiemologi, pendekatan, produk, metodologi, tadbir urus, pembangunan sosio-ekonomi dan dokumen undang-undang. Walaupun secara umumnya kritikan ini ada yang bersifat andaian, persepsi, pemerhatian dan ada juga

yang disokong dengan fakta yang sahih, ia harus dilihat sebagai sesuatu yang positif dan boleh dijadikan asas untuk menentukan arah tuju industri kewangan Islam. Pengamal kewangan Islam sepatutnya menerima dengan hati terbuka kritikan ini dan semestinya perlu menilai semula strategi, perancangan dan amalan sedia ada.

Di samping mengakui sumbangan kewangan Islam dalam pelbagai aspek sama ada pembangunan disiplin ilmu, intelektual, modal insan, institusi dan sosio ekonomi, kritikan-kritikan ini juga membuktikan bahawa trend industri kewangan Islam ini boleh dikatakan secara umumnya semakin hari semakin menuju ke arah 'convergence' atau penyatuan dengan sistem konvensional dari pelbagai aspek. Bukan itu sahaja, aspek etika Islam juga sudah mula dilihat pudar dan kurang diberikan perhatian. Institusi kewangan Islam secara umumnya dilihat berakhlak seperti institusi kewangan yang lain. Hingga satu hari nanti kemungkinan akan berlaku tiada lagi perbezaan yang nyata di antara sistem ekonomi Islam dan sistem berasaskan riba yang menjadi teras perbankan konvensional selama ini.

Kritikan secara 'generalisation' mengatakan kewangan Islam langsung tidak Islamik juga adalah tidak adil. Penulis telah menyaksikan sendiri bagaimana komited dan bersungguhnya ramai yang terlibat dengan kewangan Islam cuba untuk memberikan sumbangan dan membangunkan sektor ini. Mereka ini memberikan sepenuh perhatian dan fokus mereka untuk melihat kewangan Islam lebih baik dari sebelumnya. Gerakan anti Islam yang cuba menyekat dan menghalang pelaksanaan kewangan Islam membuktikan bahawa ia telah memberi impak yang signifikan kepada sistem kewangan dan masyarakat. Oleh itu, kritikan terhadap kewangan Islam ini perlu berbentuk konstruktif dan cuba untuk membaiki kelemahan sedia ada. Penulis merasakan, sudah sampai masanya semua pihak yang terlibat dalam kewangan Islam sama ada secara langsung atau tidak langsung untuk secara serius mengkaji, menilai, bermuhasabah, menganalisa dan mentransformasi amalan dan pelaksanaan kewangan Islam sedia ada agar ianya terus subur dan segar demi kemaslahatan umat Islam khususnya dan masyarakat dunia umumnya. Usaha-usaha ke arah memurnikan hala tuju kewangan Islam bukan sahaja perlu datang dari pengamal kewangan Islam dan pihak berautoriti tetapi sokongan penuh oleh masyarakat juga adalah sangat signifikan. Situasi kewangan Islam pada hari ini mengingatkan kita bahawa '*if we can not change everything, we can change something*'.

RUJUKAN

Abu Sulayman, A. H. 1993. *Towards an Islamic Theory of International Relations: New Directions for Methodology and Thought*. Virginia: The International Institute of Islamic Thought.

Ahamed Kameel, M. M. 2004. *The Theft of Nations: Returning to Gold*. Selangor: Pelanduk Publications Sdn. Bhd.

- Ahamed Kameel, M. M. 2002. *Islamic Gold Dinar*. Selangor: Pelanduk Publications Sdn. Bhd.
- Ahmed, Habib. 2004. Frontiers of Islamic Banking: A Synthesis of Social Role and Microfinance, *The European Journal of Management and Public Policy*, 3(1): 120-140.
- Al Attas, S. F. 1995. The Sacralization of the Social Sciences: A Critique of an Emerging Theme in Academic Discourse, *Archives de sciences sociales des religions*, 40 (91): 89-111.
- Arif, Mohammad. 1982. *Monetary and Fiscal Economics of Islam*. Jeddah: International Centre for Research on Islamic Economics, King Abdulaziz University
- Asutay, M. 2008, October 1. Islamic Banking and Finance: Social Failure. *New Horizon*.
- Asutay, M. 2007. Conceptualisation of the Second Best Solution in Overcoming the Social Failure of Islamic Finance: Examining the Overpowering of HomoIslamicus by HomoEconomicus. *IIUM Journal of Economics and Management*, 15 (2), 167-195.
- Balz, K. 2008. *Sharia Risk? How Islamic Finance Has Transformed Islamic Contract Law*. Islamic Legal Studies Program Harvard Law School.
- Chapra, M. U. 1985. *Towards A Just Monetary System*. Leicester: The Islamic Foundation.
- Chapra, M. U. 1983. Monetary Policy in an Islamic Economy in Ziauddin Ahmed, Iqbal, M. and Fahim, M. Khan, *Money and Banking in Islam*, (pp-27-68). Jeddah: International Centre for Research in Islamic Economics.
- Choudury, M. A. dan Hoque, M. Z. 2004. *An Advanced Exposition of Islamic Economics and Finance*. New York: Edward Mellen Press.
- Choudhury, M.A. dan Malik, U.A. 1992. *The Foundations of Islamic Political Economy*. New York: St. Martin's Press.
- Cizakca, M. 2011. The Islamic Gold Dinar- Myths and Reality, *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 3 (1), 49-63.
- CSP. (2011). *Sharia: The Threat to America*. Washington: The Center for Security Policy.

- Dar, H. A. dan John, R. P. 2000. Lack of profit loss sharing in Islamic banking: Management and control imbalances. *International Journal of Islamic Financial Services*, 2 (2): 3-18.
- Dar, H. 2012, June, 4. Identity Crisis: Islamic Banking - In Search of a Lost Soul. *The Express Tribune*.
- El-Gamal, M. 2006. *Islamic Finance, Law, Economic and Practice*. New York: Cambridge University Press.
- Farook, S. (2007). On CSR of Islamic Financial Institutions. *Islamic Economic Studies*. 15 (1), pp. 31-46.
- Haneef, M. A. 2009. *A Critical Survey of Islamization of Knowledge*. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Hasan, Z. 2012. *Shari'ah Governance in Islamic Banks*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Iqbal, Z, dan Mirakhor, A. 2004. Stakeholders Model of Governance in Islamic Economic System, *Islamic Economic Studies*, 11 (2): 43-64.
- Kadir, S. 2012, 17 Februari. *PPIM Bidas Bank Jual Nama 'Perbankan Islam' Untuk Kaut Untung*, http://www.muslimconsumer.org.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=552:ppim-bidas-bank-jual-nama-perbankan-islam-untuk-kaut-untung&catid=65:aktiviti&Itemid=295
- Kahf, M. 2004. "Islamic Banks: The Rise of a New Power Alliance of Wealth and Shari'ah Scholars", in Clement M. Henry and Rodney Wilson, (Eds.), *The Politics of Islamic Finance* (pp. 17-36), Edinburgh: Edinburgh University Press Ltd.
- Kettel, B. (2008). Despite Falling Sukuk Issuances, Islamic Finance Products are Still in Demand. *Islamic Banking and Finance*, 6 (4) 19, 38.
- Khan, M. dan Mirakhor, A. 1989. The Financial System and Monetary Policy in an Islamic Economy, *JKAU: Islamic Economics*, 1 (1,): 39-57.
- Kuran, T. 2004. *Islam and Mammon, the Economic Predicaments of Islamism*. New Jersey: Princeton University Press.
- Md Dahlan, N. H. 2009. Are The Statutory Standard Sale And Purchase Of House Contracts In Peninsular Malaysia Compatible With Islamic Law?, *Malayan Law Journal*, 5, 1-26.

- Md Dahlan, N. H. dan Syed Abdul Kader, S. Z. 2009. Shariah and Legal Issues in House Buying in Malaysia: The Legality of *Bay' Bithaman-Al-Ajil* ('BBA') with Special Reference to Abandoned Housing Projects, *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 19 (2): 349 - 361
- Sanusi, M. dan Rosly, S. A. 2001, Some Issue of Bay al-Inah in Islamic Financial Markets, *The Arab Law Quarterly*, 16 (3): 263-278.
- Siddiqi, M. N. 1985. *Partnership and Profit Sharing in Islamic Law*. Leicester: The Islamic Foundation.
- Siddiqi, M. N. 2006. *What Went Wrong?* Ucaptama semasa 'Roundtable on Islamic Economics: Current State of Knowledge and Development of Discipline ' di Jeddah, Arab Saudi pada 26-27 Mei 2004 anjuran 'Islamic Research and Training Institute', Jeddah dan 'Arab Planning Institute', Kuwait.
- Siddiqi, M.N. 2007. *Economics of Tawarruq: How its Mafasid Overwhelms The Masalih*, Kertas Kerja 'Workshop on *Tawarruq: A Methodological issue in Shari'ah-Compliant Finance*', 1 Februari 2007.
- The Banker. 2009, November. GCC Still Dominate. *The Banker*, Supplement, 26.
- Usmani, M. T. 2007. *An Introduction to Islamic Finance*. Karachi, Pakistan: Maktaba Maa'riful Qur'an.